

Isu-isu Agama dalam Hubungan Antara Kaum di Malaysia 1980-2005

BITARAVolume 2, Issue 1, 2019: 087-098
© The Author(s) 2019
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Religious Issues in Intercultural Relations in Malaysia 1980-2005]

Muhamad Faisal Ashaari¹ & Muhamad A'riff Khushairi¹

Abstrak

Isu-isu yang berkaitan agama merupakan antara isu yang signifikan kepada hubungan etnik di Malaysia kerana agama merupakan salah satu identiti utama etnik-etnik di Malaysia. Ia merupakan isu yang mempunyai potensi untuk mencetuskan salah faham, prejudis, perasaan tidak puas hati serta konflik dalam hubungan inter-etnik (antara orang Islam dan bukan Islam) di Malaysia. Artikel ini membincangkan enam isu agama yang melibatkan hubungan Muslim dan non-Muslim di Malaysia dan respons mereka terhadap isu-isu berkenaan. Mereka menyuarakan rasa kurang berpuas hati dalam beberapa isu yang mungkin dilihat tidak adil kepada mereka. Isu-isu berkenaan ialah Islam agama yang eksklusif, kebebasan beragama, bidang kuasa mahkamah, pembinaan rumah ibadat, isu Bahasa dan negara Islam.

Kata Kunci

Isu-isu Islam, orang Islam dan bukan Islam, hubungan inter-etnik, prejudis, tidak puas hati dan konflik

Abstract

Religion-related issues are among the most relevant issues in Malaysia's ethnic relations, as religion is one of Malaysia's major ethnic identities. This problem has the potential to spark misunderstandings, biases, discontent and conflict between inter-ethnic ties (Muslims and non-Muslims) in Malaysia. This article addresses and responds to six religious problems concerning Muslim and non-Muslim ties in Malaysia. We shared frustration with some of the things that may have appeared unreasonable to them. Issues include Islam as the exclusive religion, freedom of faith, judicial authority, the construction of places of worship, language problems and the Islamic State.

Keywords

Islamic issues, Muslims and non-Muslims, inter-ethnic relations, prejudice, dissatisfaction and conflict

Cite This Article:

Muhamad Faisal Ashaari & Muhamad A'riff Khushairi. 2019. Isu-isu agama dalam hubungan antara kaum di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(1): 87-98.

¹Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Muhamad Faisal Ashaari, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
E-mail: faisal@ukm.edu.my

Pengenalan

Agama adalah salah satu daripada identiti etnik-etnik masyarakat Malaysia lantaran komposisi etnik di Malaysia berasaskan etno-agama. Pengenalan identiti berdasarkan kepada agama ini telah disebut secara rasmi dalam Perlembagaan Malaysia apabila ia mentafsirkan orang Melayu sebagai orang yang beragama Islam dan mengamalkan cara hidup Melayu. Ini bermakna agama merupakan identiti yang penting kepada pengenalan Orang Melayu persis hak eksklusif untuk mereka. Oleh sebab itu, tidak hairanlah apabila wujud persepsi di kalangan orang bukan Melayu bahawa memeluk Islam bermakna sebagai “masuk Melayu” (Tan 2000) walaupun pada hakikatnya agama dan bangsa itu adalah dua perkara yang berbeza. Bagi Orang Melayu pula, kaum Cina dianggap sebagai bangsa makan babi yang merupakan binatang yang dianggap jijik oleh Orang Melayu dan diharamkan oleh Islam. Manakala orang India pula dikaitkan dengan istilah ‘Hindu’ iaitu sebuah agama dan ‘Paria’ iaitu sejenis kasta (Mohamad Abu, 1983: 184). Oleh sebab itu, keharmonian hubungan etnik di Malaysia mempunyai kaitan yang sangat rapat bukan sekadar dari sudut intra-etnik itu sendiri tetapi isu-isu melibatkan hubungan agama.

Para pengkaji berpandangan, faktor agama dilihat menyumbang kepada fenomena ketegangan kaum seiring dengan faktor etnik. Alan (1983:23) telah mengandaikan perbezaan agama akan mengantikan faktor perbezaan ekonomi dan etnik sebagai punca utama berlakunya konflik politik. Syed Arabi dan Latifah (1989: 28) pula berpendapat masyarakat majmuk terdedah kepada persengketaan etnik dan agama yang berterusan secara semula jadi. Walau bagaimanapun, polisi pemerintahan dan polarisasi kaum turut memberikan kesan yang penting terhadap sesuatu konflik itu kerana ke semua itu merupakan faktor penyumbang kepada naik turunnya suhu sesuatu konflik yang berlaku dalam sesebuah negara. Kebijaksanaan pemerintah dalam mengendalikan hubungan antara kaum mampu mengawal konflik yang berlaku dan membatasinya dari semakin parah. Berikut adalah enam isu agama yang melatari hubungan kaum di Malaysia.

Islam Agama yang Eksklusif dan Keras

Islam adalah agama universal yang menekankan kepada prinsip persamaan hak, kebebasan, toleransi dan keadilan. Walau bagaimanapun dalam konteks Malaysia, Islam dilihat sebagai sempadan kepada hubungan etnik di antara kaum-kaum di Malaysia (Mohammad Abu 1985: 139-140, Tan 2000:49). Islam bukan sahaja menekankan aspek spiritual tetapi juga mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia. Islam telah meletakkan asas-asas peraturan syariah, akidah dan akhlak. Terdapat kecenderungan di kalangan sarjana melihat bahawa peraturan dalam Islam yang dilihat menjadi penghalang interaksi antara orang Islam dan bukan Islam. Raymond L.M. Lee (1988: 403-404) telah menyatakan peningkatan penghayatan agama di kalangan orang Islam (Dalam kertas kerja ini orang Islam bermaksud orang Melayu begitulah sebaliknya) telah meningkatkan perasaan prejudis dan permusuhan dengan orang bukan Islam (Dalam kertas kerja ini orang bukan Islam bermaksud orang bukan Melayu dan begitulah sebaliknya).

Sebagai contoh, dari segi kepercayaan, perbandingan dibuat oleh Tan Chee Beng (2000) antara orang Islam dan bukan Islam. Orang Islam menganut kepercayaan monoteisme (kepercayaan kepada Tuhan yang satu) dan eksklusif yang menolak secara total kepercayaan

kepada pelbagai tuhan. Manakala kepercayaan orang Cina pula berteraskan politeisme dan menganggap mereka lebih bertimbang rasa kepada penganut agama lain kerana turut mengiktiraf tuhan-tuhan agama lain. Orang Cina merasakan ada jurang antara mereka dan orang Melayu Islam kerana beranggapan bahawa orang Islam tidak toleran dari segi kepercayaan menyebabkan sukar untuk mewujudkan interaksi antara mereka sama ada di rumah-rumah ibadat begitu juga upacara keagamaan.

Ada sesetengah orang bukan Melayu yang tidak beragama Islam beranggapan peraturan perkahwinan dalam Islam yang mewajibkan pasangan mestilah beragama Islam tidak disenangi kerana seolah-olah memaksa mereka masuk Melayu. Justeru perkahwinan antara orang Melayu dan orang bukan Melayu jarang-jarang berlaku kerana mereka mesti memeluk Islam sebelum berkahwin (Muhammad Abu 1984; Tan 2000).

Begitu juga peraturan makanan dalam Islam, contohnya larangan memakan makanan yang mengandungi babi, beralkohol, binatang yang tidak disembelih dianggap oleh sesetengah sarjana sebagai penghalang kepada interaksi antara kaum. Terdapat beberapa orang sarjana yang berpendapat jurang ini semakin melebar selepas ‘era Kebangkitan Islam’ pada tahun 1970an dan pelaksanaan Dasar Islamisasi pada tahun 1980-an, orang bukan Melayu mendapati peningkatan penghayatan di kalangan orang Islam menyebabkan mereka lebih prihatin terhadap peraturan Islam (Polisi Islamisasi Negara yang dilaksanakan oleh kerajaan telah dilaksanakan bermula pada tahun 1980-an. Ia telah meletakan Islam seiring dengan usaha untuk mengangkat martabat bahasa Melayu dan Kebudayaan Melayu. Kalau dahulu larangan hanya kepada makanan yang mengandungi babi telah bertambah kepada semua jenis makanan dan minuman yang disediakan oleh orang bukan Islam. Orang Islam khuatir ia mungkin mengandungi babi, alkohol atau peralatan masakan pernah digunakan untuk memasak babi (Tan 2000:53; Shamsul 1994:110; Shamsul 1997:219).

Penekanan peraturan makanan ini juga telah diterap dalam industri makanan. Setiap bahan yang digunakan dalam produk makanan mestilah halal dan bebas dari gelatin yang diperoleh daripada haiwan yang digunakan dalam jeli dan kicap, lemak babi, alkohol yang digunakan untuk kek dan produk lain. Peraturan wajib memperagakan logo halal untuk bukan Melayu Islam yang terlibat dalam perniagaan makanan segera, jika gagal berbuat demikian lesen akan ditarik balik. Lee (2000:11) berpendapat orang bukan Melayu juga tidak berpuas hati dengan peraturan yang menghalang mereka mempamerkan atau menghapuskan sesetengah amalan dan simbol yang dianggap mengancam orang Islam. Antaranya, babi telah dilarang dijual di pasar basah terbuka, kalaupun dibenarkan mesti di tempat terlindung daripada orang awam. Orang bukan Melayu merasakan peraturan-peraturan dalam agama Islam sangat ketat dan semakin bertambah penghayatan orang Islam kepada agamanya mereka semakin tidak toleransi kepada orang bukan Islam, menyebabkan perasaan kurang selesa dan tegang timbul antara mereka.

Kebebasan Beragama

Isu kebebasan beragama juga merupakan antara salah satu isu yang menimbulkan perdebatan dalam hubungan etnik. Dua isu yang berkaitan dengan kebebasan beragama ialah isu larangan mengembangkan ajaran agama bukan Islam kepada orang Islam dan isu murtad. Pertikaian timbul kerana penilaian orang Islam dan bukan Islam terhadap peruntukan perlombagaan berkaitan konsep kebebasan beragama yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Islam

diiktiraf sebagai agama rasmi Persekutuan dan pada masa yang sama agama-agama lain dibenarkan diamalkan dengan aman. Hal ini dinyatakan dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, perlembagaan tidak memberi kebebasan mutlak dalam soal kebebasan beragama. Ia tertakluk kepada beberapa perkara seperti ketenteraman dan akhlak (Perkara 11(5)). Dalam pada itu agama-agama lain tidak dibenarkan menyebarkan ajaran mereka kepada orang Islam (Perkara 11 (4)), yang secara langsung menunjukkan kelebihan yang diberikan kepada Islam berbanding agama-agama lain (Abdul Aziz 1999: 56-57).

Untuk tujuan ini, beberapa buah negeri telah meluluskan enakmen-enakmen untuk mengawal dan menyekat penyebaran agama-agama lain di kalangan orang Islam. Negeri Kelantan misalnya, telah meluluskan enakmen untuk tujuan itu dan berkuat kuasa pada 1 Januari 1987. Kedah, Melaka dan Selangor juga meluluskan undang-undang yang serupa dalam tahun 1988. Walau bagaimanapun peruntukan ini dan usaha menangani masalah murtad telah dianggap oleh orang bukan Islam sebagai usaha menekan dan menafikan hak asasi manusia dalam soal kebebasan beragama. MCCBHS telah menyuarakan rasa tidak puas hati dengan menghantar memorandum kepada SUHAKAM, menyatakan bahawa undang-undang Islam telah melarang orang yang memeluk Islam murtad walaupun tujuan utamanya memeluk Islam sudah tidak wujud lagi contohnya kerana perkahwinan (Yeoh 2005: 630).

Menurut Abdul Aziz (1999:57), peruntukan dalam perlembagaan ini dibuat untuk menjamin keseimbangan dan menjaga kesucian agama Islam sebagai agama serta dalam masa yang sama berusaha menjamin bahawa orang bukan Islam tidak tertindas dan dapat mengamalkan agama. Justeru soal murtad sebenarnya tidak mengancam kebebasan beragama. Lagi pula persoalan murtad adalah masalah umat Islam, yang sebahagian besarnya terdiri daripada orang-orang Melayu. Murtad sangat berkait dengan kehormatan dan kedudukan Islam. Sekiranya tiada sebarang tindakan diambil ia akan memberi tanggapan bahawa Islam tidak diberikan kedudukan yang sewajarnya.

Bidang Kuasa Mahkamah Syariah

Malaysia mengamalkan sistem perundangan dualisme iaitu Sistem Perundangan Syariah dan Perundangan Sivil. Mahkamah Syariah berperanan menguruskan hak-hak yang berkaitan dengan. Pada tahun 1988 Perkara 121 perlembagaan Persekutuan telah dipinda dengan menyebut di fasal (1A) maksudnya Mahkamah Tinggi Sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Pada masa dahulu sebelum pindaan itu dibuat terdapat banyak kes di mana Mahkamah Sivil telah membuat keputusan mengenai perkara yang termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah dan ada kalanya telah mengubah keputusan yang telah dibuat di Mahkamah Syariah.

Menurut Ahmad Ibrahim (1991:129-137), satu kesan yang terbesar yang diperolehi dari pindaan itu ialah mengelakkan percanggahan antara keputusan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Tinggi seperti yang terdapat di dalam beberapa kes terdahulunya. Beliau merujuk kepada seksyen 45(6) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Selangor, 1952, yang memperuntukkan: “Tiada apa-apa yang terdapat di dalam enakmen ini akan mengganggu bidang kuasa Mahkamah Sivil dan apabila terdapat perbezaan atau percanggahan antara keputusan Mahkamah kadi Besar atau seorang kadi dengan keputusan Mahkamah Sivil, yang bertindak di dalam bidang kuasanya, keputusan Mahkamah Sivil adalah mengatasi.”

Sebelum pelaksanaan pindaan ini, penulis bukan Islam sudah melahirkan rasa bimbang dengan usaha-usaha memartabatkan mahkamah Syariah yang dianggap mencabar penguasaan mahkamah Sivil dan meningkatkan penguasaan agama dalam negara (Raymond 1988: 405). Antaranya usaha Majlis Agama Islam Kedah memberi cadangan mendakwa bagi kesalahan murtad dan usaha-usaha ini disokong oleh majlis-majlis agama Islam negeri-negeri lain.

Terkini terdapat beberapa kes berprofil tinggi yang menyebabkan orang bukan Islam tidak berpuas hati dengan bidang kuasa mahkamah Syariah. Antaranya kes pertikaian penjagaan anak apabila salah seorang pasangan bukan Melayu bukan Islam memeluk Islam, ia berkaitan dengan pembatalan perkahwinan, penjagaan anak serta pertindihan kuasa antara mahkamah Syariah dan mahkamah Sivil. Misalnya kes Shamala Sathiyaseelan dan Dr Jeyaganesh, berkaitan dengan penjagaan anak selepas Dr. Jeyaganesh memeluk agama Islam (nama Islamnya Muhammad Ridzuan) (Shamala Sathiyaseelan v Dr Jeyaganesh C Mogarajah 2004). Muhammad Ridzuan telah memeluk Islam pada tahun 2002 dan telah mendaftarkan anaknya sebagai Islam tanpa pengetahuan isterinya Shamala telah memfailkan permohonan kepada Mahkamah Tinggi Sivil untuk mendapat hak penjagaan kedua orang anaknya. Muhammad Ridzuan melalui peguamnya telah memfailkan kepada Mahkamah Syariah untuk hak penjagaan (hadanah) anak-anaknya.

Pada 17 April 2003, Mahkamah Tinggi Sivil telah memberikan hak penjagaan sementara kepada Shamala. Pada 8 Mei 2003, Mahkamah Tinggi Syariah Selangor telah memberikan perintah mahkamah kepada suaminya. Perintah *hadanah* Mahkamah Tinggi Syariah, tidak membatalkan hak penjagaan anak kepadanya. Pada masa yang sama beliau telah memohon supaya pengislaman anak-anaknya adalah tidak sah, dengan dakwaan kedudukannya sebagai ibu berhak di bawah Artikel 12(4) Perlembagaan Persekutuan menentukan agama mereka. Walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menolak permohonannya berdasarkan kepada Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan. Ini kerana Mahkamah Syariah sahaja yang berhak menentukan status agama kedua-dua anaknya, di mana mahkamah mempertimbangkan kedua-dua mereka adalah Muslim ketika permohonan dibuat. Hakim Mahkamah Tinggi Faiza Thamby Chik merujuk kepada surat daripada Mufti Wilayah Persekutuan, anak secara automatik akan menjadi Islam apabila salah seorang daripada ibu bapanya memeluk Islam walaupun salah seorang yang membantah (*Bernama*, 13 April 2004).

Isu ini dikritik oleh NGO hak asasi manusia dan organisasi bukan Islam yang melihat berlaku pelanggaran hak asasi manusia, dilema sistem perundangan dualisme dan pelanggaran hak asasi orang bukan Islam apabila pasangan mereka memeluk Islam dan isu keyakinan masyarakat terhadap undang-undang negara dan perundangan (Marzuki 2008: 172-173).

Isu Pembinaan Rumah Ibadat

Isu pembinaan rumah ibadat bagi penganut bukan Islam juga telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan mereka. Kebanyakan orang bukan Islam melihat kawalan kerajaan terhadap bahasa dan pembinaan rumah ibadat sebagai alat kepada polisi kerajaan untuk mengukuhkan dominasi Islam dan menyekat kekuatan mereka. Orang bukan Islam merasa dasar berat sebelah kerajaan dalam pembinaan tempat ibadat bermula sejak tahun 1970an dan semakin bertambah selepas pelaksanaan dasar Islamisasi pada tahun 1980-an. Penganut agama bukan Islam (Hindu, Buddha dan Kristian) menghadapi kesukaran untuk membina rumah ibadat seperti gereja dan

kuil sama ada daripada segi bantuan daripada kerajaan, pemberian permit untuk membeli tanah untuk pembinaannya. Kerajaan juga bertindak merobohkan tokong Buddha, kuil Hindu dan gereja rumah kedai. Sedangkan pada masa yang sama terdapat pertambahan yang ketara dalam pembinaan masjid di antara tahun 1990 sehingga Disember 1999 iaitu sebanyak 4735 di Semenanjung Malaysia (Raymond 1988: 410; Lee 2000: 8).

Isu Bahasa

Selain isu membina tempat ibadat, isu penggunaan kitab suci dalam bahasa Melayu juga telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan penganut Kristian. Sejak pertengahan tahun 1970-an, berlaku peningkatan penganut agama Kristian yang menggunakan *Alkitab* dan *Perjanjian Baru* (Bible dan New Testament) yang diimport dari Indonesia. Penggunaan versi ini menjadi popular kerana generasi Kristian Malaysia kini kebanyakannya mendapat pendidikan bahasa Melayu dan perkataan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia hampir serupa dan mempunyai makna yang sama. Pada bulan Disember 1981, kerajaan telah mengharamkan penjualan dan pengedaran *Alkitab* dan *Perjanjian Baru* di bawah arahan warta pengharaman. Kerajaan begitu mengambil berat tentang usaha menyebarluaskan kitab-kitab ini kerana bimbang akan secara tidak langsung akan mempengaruhi orang Islam. Selepas beberapa sesi perbincangan di antara pemimpin agama Kristian dengan Kementerian Dalam Negeri, arahan tersebut ditarik balik tetapi hanya dibenarkan digunakan di gereja. Tetapi pemimpin Kristian tidak berpuas hati telah mendorong kerajaan untuk lebih memberi peluang kepada mereka, akhirnya kerajaan bersetuju pada bulan Mac 1984 untuk memberi hak kepada 10 buah tempat penjualan untuk mengimport dan mengedarkan *Alkitab* dan *Perjanjian Baru*. Pemimpin Kristian masih merasa tidak berpuas hati dengan sekatan ke atas mereka yang dilihat memalapkan masa depan orang Kristian di Malaysia (Raymond 1988: 412-413).

Isu penggunaan perkataan Allah oleh penganut agama Kristian adalah isu lama iaitu bermula sejak tahun 1986 lagi. Larangan penggunaan perkataan Arab yang dimelayukan bagi tujuan keagamaan telah wujud sejak tahun 1986 yang diputuskan oleh Jemaah Menteri pada 16 Mei 1986 yang memutuskan empat (4) perkataan khusus iaitu Allah, Solat, Kaabah dan Baitullah tidak dibenarkan penggunaannya oleh orang bukan Islam. Pada masa ini terdapat 10 buah negeri telah memperuntukkan larangan penggunaan kalimah Allah dalam Jadual kepada Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam kecuali Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan yang masih dalam proses menggubal. Malah penggunaan kalimah Allah, Baitullah, solat dan Kaabah telah pun diwartakan hanya eksklusif buat umat Islam di bawah Warta PU (A) 15/82 dan pekeliling KKDN. S.59/3/6/A bertarikh 5 Dis 1986. Ramai orang bukan Islam merasa terhina kerana kerajaan menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu, tetapi apabila mereka menggunakan perkataan itu, mereka telah dihalang dari mengungkapkan kepercayaan mereka dalam Bahasa Melayu (Olaf 1991:254).

Isu Negara Islam

Kebangkitan Islam atau *Islamic Revival* pada tahun 1979 yang seterusnya menyebabkan kerajaan melaksanakan polisi Islamisasi pada tahun 1980an. Tidak dapat dinafikan orang bukan

Islam begitu curiga dan bimbang dengan pelaksanaan Islamisasi, walaupun kerajaan menjelaskan bahawa menerapkan nilai-nilai universal seperti tidak korupsi, kasih sayang, rajin bekerja yang wujud dalam tradisi kaum-kaum lain dan bukan untuk mengislamkan mereka (Tan 1984: 35). Raymond (1988:405) berpendapat dasar Islamisasi akan meningkatkan penguasaan kakitangan dan kuasa dalam kawalan agama. Ia juga menyerlahkan peranan kerajaan sebagai ketua arkitek pembangunan Islam melalui penubuhan bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Pusat Penyelidikan Islam dan pelbagai organisasi pentadbiran Islam adalah bukti bahawa kerajaan berusaha memantapkan keperibadian Islam dalam kehidupan rakyat Malaysia. Perkembangan pentadbiran Islam dilengkapkan lagi dengan pendaftaran pelajar dalam bidang pengajian Islam, mencadangkan perekutan masa depan dalam perkhidmatan kerajaan mungkin akan bertukar daripada sektor sivil tulen kepada penguasaan agama. Jika trend ini berlaku, pentadbir-pentadbir Islamik akan bertambah dan golongan ini akan berusaha untuk menginstitusikan syariah dalam segenap lapisan kehidupan sosial masyarakat. Pada masa yang sama, kerajaan juga dapat menjaga imejnya sebagai pembela kepentingan orang Melayu Islam dan mengawal agama-agama lain. Polisi ini secara tidak langsung dalam jangka masa panjang akan mengancam asas sekular dalam kerajaan .

Hussin Mutalib (1990) pula mendapati orang bukan Melayu merasakan polisi Islamisasi telah menghakis hak-hak mereka kerana ia adalah satu kebudayaan etnik yang bias memberi kelebihan kepada orang Melayu dan menebalkan lagi semangat kemelayuan dalam mengukuhkan lagi tuntutan dan kepentingan mereka di Malaysia. Dari aspek ekonomi, Islamisasi menyebabkan kesedaran yang tinggi di kalangan masyarakat Islam tentang syiar agama Islam antara produk makanan halal. Walaupun kerajaan meyakinkan bahawa peluang ekonomi adalah mencukupi bagi semua orang di bawah Dasar Islamisasi, tetapi orang Cina yang telah merasai 'pengalaman pahit' di bawah DEB, apabila orang Melayu mendapat peluang ekonomi dan peluang pendidikan sehingga menyebabkan penguasaan mereka dalam ekonomi berkurangan. Orang Cina turut merasa persaingan yang sengit dengan penubuhan Institusi ekonomi dan pendidikan, contohnya Bank Islam, Universiti Islam, Pajak Gadai Islam, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (Hussin 1990).

Kemuncak kepada pelaksanaan Dasar Islamisasi ialah pengisytiharan oleh Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamed bahawa Malaysia telah memenuhi tuntutan sebagai negara Islam. Cheah Boon Kiang (2005: 111) berpendapat oleh kerana semua orang Melayu beragama Islam, negara Islam adalah salah satu bentuk 'negara Melayu' kecuali prinsip-prinsip Islam menjadi dasar pentadbirannya. Hussin Mutalib (1990: 107-108) menyatakan bahawa orang bukan Melayu bimbang penubuhan negara Islam akan mengukuhkan lagi hegemoni Melayu dalam pemerintahan negara. Mereka juga bimbang dengan penubuhan negara Islam hak mereka akan di sekat. Justeru itu, apabila Dr Mahathir mengisytiharkan bahawa Malaysia adalah 'negara Islam' pada 9 September 2002, makluman ini telah dicabar oleh parti-parti pembangkang, DAP dan PAS serta sesetengah kumpulan Katolik Roman. Setahun kemudian, pada 16 September 2003, Dr Mahathir mengaku walaupun tidak dinyatakan secara jelas dalam Perlembagaan Malaysia menyatakan bahawa Malaysia bukan negara Islam, tetapi Malaysia adalah model bagi negara Islam yang lain dan mempunyai tanggungjawab memperlihatkan Islam sebagai toleransi dan sederhana (Anon 2002)."

Berdasarkan kepada perbincangan di atas jelaslah bahawa terdapat beberapa isu-isu berkaitan dengan Islam yang telah menyentuh sensitiviti orang bukan Islam di Malaysia.

Walaupun pada zahirnya isu tersebut pelbagai tetapi pada hakikatnya ia saling berkaitan; isu-isu ini timbul rentetan daripada usaha orang Islam menghayati dan mempraktikan ajaran agama selaras dengan apa yang dituntut oleh Islam. Justeru cita-cita menubuhkan negara Islam, melaksanakan undang-undang Islam dan memartabatkan mahkamah Syariah termasuk dalam agenda tersebut. Walau bagaimanapun usaha ini kadang-kadang menimbulkan perasaan curiga dan prejedis di kalangan orang bukan Islam. Orang bukan Islam merasakan usaha-usaha ini akan menyekat kebebasan beragama dan hak asasi mereka di Malaysia. Ditambah pula dengan persoalan-persoalan yang kompleks wujud kerana sistem dualisme perundangan iaitu undang-undang syariah untuk orang-orang Islam dan undang-undang sivil untuk orang bukan Islam dan peruntukan yang wujud dalam Perlembagaan Persekutuan tentang agama Islam dan kebebasan beragama. Kedua pihak cuba mempertahankan hujah masing-masing dengan melihat dari sudut pandangan yang berbeza. Keadaan ini menyebabkan hubungan antara etnik berada dalam keadaan tegang. Persoalannya apakah respons orang bukan Islam terhadap isu yang timbul itu?

Respons Orang Bukan Islam Terhadap Isu-isu Islam

Orang-orang bukan Islam merasa bimbang dan curiga terhadap isu-isu Islam kerana merasakan ia akan menggugat hak asasi dan kebebasan mereka. Bahagian ini akan menyatakan beberapa respons yang diberikan oleh orang bukan Islam kepada isu-isu ini.

Penubuhan Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism (MCCBCHS)

Penghayatan Islam yang tinggi di kalangan orang Islam dan usaha melaksanakan syiar Islam telah mengundang perasaan curiga dan bimbang di kalangan orang bukan Islam. Kebimbangan itu dilahirkan dengan penubuhan MCCBCHS pada Ogos 1984 untuk menyuarakan hak-hak non Muslim secara lebih berkesan dan bergerak bebas menggantikan perwakilan mereka di Lembaga Perpaduan Negara (Hussin 1990: 163). Terdapat beberapa reaksi yang ketara dilakukan oleh MCCBCHS di sekitar 1990-an. Pada 11 Januari 1990, satu *circular* telah diedarkan menyeru seluruh *non-muslim* agar berdoa dan berpuasa sebagai bantahan kepada apa yang disifatkan ‘pengenaan syariah’ kepada orang bukan Islam. Perwakilan MCCBHS seramai 12 orang seterusnya mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Dr. Mahathir pada 10 April 1990 dengan diketui oleh Rev. Dr. Kim Beng seorang Kristian. Perkara yang dibangkitkan dalam pertemuan ini ialah:

1. Kerajaan telah mewajibkan Kursus Tamadun Islam di institusi pengajian tinggi di mana pensyarah-pensyarah yang mengajar kursus berkenaan di dakwa telah memburuk-burukkan agama lain.
2. Kewujudan undang-undang yang menghalang *non-muslim* menggunakan beberapa perkataan (solat, kitab) yang secara automatik dianggap menghalang kebebasan *non-muslim*.
3. Polisi radio dan televisyen yang tidak memberi ruang kepada agama-agama lain untuk mendapat slot siaran.

4. Beberapa masalah dengan jabatan imigresen yang dikatakan menolak permohonan visa beberapa pemimpin agama dan pendakwah non-muslim untuk masuk ke Malaysia.
5. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1989, artikel 67 dan 70 dikatakan memaksa orang bukan Islam, menerima pakai undang-undang syariah (Islamochristina:1990 dalam Zulkiple Abdul Ghani:1998).

Dalam pertemuan tersebut, Perdana Menteri dikatakan telah memberi persetujuan untuk meneliti bantahan MCCBCHS dan meminta mereka membincangkan perasaan tidak puas hati melalui saluran kerajaan dan tidak menjadikannya isu awam.

Suruhanjaya Inter-Agama (Inter-Religious Commision)

Orang bukan Islam juga mula menuntut hak kebebasan beragama dengan mencadangkan penubuhan Suruhanjaya Inter-agama Kebangsaan (IFCM) Pada bulan Februari 2005, Badan Peguam Malaysia (*Malaysian Bar Council*) telah menganjurkan satu persidangan kebangsaan untuk membincangkan draf cadangan pembentukan IFCM ([Malaysiakini.com](http://www.malaysiakini.com), 7 Februari 2005). Tuntutan dalam cadangan tersebut merangkumi seseorang Muslim patut diberi hak meninggalkan Islam. Artikel 11 Perlumbagaan Persekutuan seharusnya digunakan-pakai dalam menentukan hak seseorang Muslim memilih untuk murtad dan bukannya undang-undang Syariah. Mahkamah Sivil seharusnya diberi kuasa menentukan hak seseorang Muslim itu keluar dari agamanya. Usaha yang dilakukan oleh pihak berkuasa Syariah negeri memulihkan orang-orang yang bakal murtad dipertikaikan. Istilah Muslim di bawah Undang-Undang Enakmen Negeri adalah terlalu luas walaupun didapati konsisten dengan Undang-Undang Syariah. Seseorang itu tidak seharusnya dianggap Muslim hanya disebabkan kedua ibu bapanya Muslim tetapi atas kehendak sendiri. Agama seseorang Muslim tidak sepatutnya tercatat dalam kad pengenalannya (*Malaysiakini.com* 2005).

Suruhanjaya ini berperanan untuk membantu kerajaan untuk membuat polisi yang jelas dan koheren untuk mewujud hubungan inter-agama yang lebih baik dan seterusnya mengelakkan konflik dari terus berlaku kerana masalah salah-faham. Suruhanjaya ini juga mempunyai kuasa perundangan menjadikan laporan yang diberikannya akan dibentangkan di mahkamah dan semua agensi kerajaan perlu mengambil kira cadangan yang dikemukakan. Badan ini juga berperanan menentukan sama ada terdapat pelanggaran kebebasan beragama berdasarkan kepada Deklarasi Hak Asasi Manusia dan Perlumbagaan Persekutuan.

Cadangan ini sebenarnya ialah berdasarkan kepada memorandum yang telah disediakan oleh Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism (MCCBCHS) yang telah dihantar kepada Suruhanjaya Hak Asasi (SUHAKAM) pada tahun 2001. Cadangan ini telah mendapat tentangan hebat daripada NGO-NGO Islam. Allied Coordinating Comitee of Islamic NGOs (ACCIN), ACCIN membantah memorandum tersebut kerana berbau anti Islam dan telah menghantar bantahan mereka kepada Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Bar Council pada awal tahun 2005. ACCIN juga telah memboikot persidangan tersebut kerana merasakan bahawa suruhanjaya yang akan ditubuhkan itu akan melangkaui bidang kuasa pihak berkuasa agama yang ada.

Pemuda PAS juga telah mengkritik cadangan penubuhan IFC. Alasannya sebarang perbincangan secara terbuka berkaitan dengan isu Islam seperti kes Murtad adalah satu

penghinaan kepada orang Islam kerana ia menyentuh sensitiviti orang Islam dan Islam. Hal seperti ini hanya sesuai dibincangkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengisyiharkan selepas itu bahawa penelitian terhadap cadangan penubuhan IFC akan ditangguhkan kerana isu menjadi isu perdebatan hangat di akhbar-akhbar. Beliau berpendapat badan perundangan tersebut (*statutory body*) tersebut akan menjadi penghalang kepada perpaduan agama di Malaysia. Sebaliknya, beliau mencadangkan lebih banyak dialog antara agama dan meneruskan usaha yang telah dilakukan selama ini seperti rumah terbuka setiap kali musim perayaan (*Malaysiakini.com* 2015).

Kumpulan Artikel 11

Artikel 11 adalah gabungan tiga belas NGO yang ditubuhkan pada bulan Mei 2006, tujuan utamanya untuk menegakkan keunggulan Perlembagaan Persekutuan dan meningkatkan kebebasan beragama di Malaysia, respons kepada isu-isu Islam. Pertubuhan ini menekankan warganegara tidak sepatutnya di diskriminasi kerana perbezaan agama, bangsa, keturunan dan tempat kelahiran. Ia juga memperjuangkan kebebasan individu, iaitu kebebasan berfikir, kebebasan, perasaan dan kepercayaan yang sewajarnya dihormati, dijamin dan dilindungi, dan menolak semua jenis diskriminasi dan tidak toleransi yang berpaksikan kepada agama dan kepercayaan (Marzuki 2008:166).

Kebanyakan organisasi ini terlibat dalam menyokong penubuhan IFCM dan juga permohonan Azlina Jailani, wanita Melayu Muslim yang telah memeluk agama Kristian untuk menggugurkan nama dan agama Islam dalam kad pengenalannya. Pertubuhan ini juga bermatlamatkan untuk membela hukuman yang tidak adil seperti yang dikenakan kepada Shamala, wanita Hindu di mana suaminya telah memeluk Islam. Dalam surat terbuka kepada kerajaan, kumpulan ini telah mengemukakan beberapa tuntutan iaitu menyeru kerajaan dan badan kehakiman mendukung keagungan Perlembagaan Persekutuan, kedudukan Malaysia sebagai negara sekular dan kebebasan beragama. Mereka juga menuntut supaya Artikel 121 (1A) dibatalkan dan dipinda untuk membolehkan Mahkamah Tinggi sivil mendengar kes-kes yang sebelum ini hanya di bawah pengadilan mahkamah Syariah.

Kumpulan ini berusaha untuk menyedarkan masyarakat tentang keunggulan perlembagaan dan kebebasan beragama melalui forum terbuka dan *roadshow*. Mereka mula mengadakan forum terbuka di Petaling Jaya dan Melaka, walau bagaimanapun ketika kumpulan ini mengadakan Pulau Pinang, orang Islam telah menunjukkan bantahan melalui demonstrasi yang diketuai oleh Badan Bertindak Anti-IFC (BADA). Forum itu hanya berlangsung separuh jalan kerana hanya tiga daripada 5 ahli panel yang dapat bercakap kerana gangguan dari penunjuk perasaan. Forum yang diadakan di Johor Baru juga telah mendapat bantahan orang Islam diketuai oleh Front Bertindak Anti Murtad (FORKAD). Ketegangan dan kekecohan berlaku apabila pengajur enggan membatalkan program tersebut. Program tersebut diteruskan dengan kawalan ketat oleh 200 orang anggota polis (*Malaysiakini.com* 2006). Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam menjelaskan mereka tidak menentang hak kumpulan atau orang bukan Islam membincangkan perkara berkaitan Islam tetapi mahu semua perbincangan dibuat secara baik dan dengan rasa saling hormat menghormati antara agama. Menurut mereka, perbincangan secara terbuka dan bersifat provokatif mengenai isu-isu sensitif seperti murtad

dan bidang kuasa Mahkamah Syariah, perlu dihentikan bagi menjamin keharmonian masyarakat pelbagai agama dan kaum negara ini. Sebaliknya, mereka mahu semua pihak yang terlibat dengan kumpulan Article 11 supaya menghormati nasihat Perdana menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mahu isu-isu berkaitan agama tidak dibangkitkan secara sewenang-wenangnya (*Malaysiakini.com* 2006).

Barisan Bertindak Hak Hindu (Hindraf)

Bantahan oleh Pasukan Tindakan Asasi Hindu (HIDRAF) di sekitar Lembah Kelang dan Kuala Lumpur juga dikatakan antaranya berpunca daripada ketidakpuasan hati orang bukan Islam terhadap isu Islam. HINDRAF telah menganjurkan berapa siri perhimpunan haram pada November 2007 di sekitar Kuala Lumpur dan Lembah Klang dengan membawa isu-isu berkaitan dengan kaum India. Perhimpunan itu diadakan untuk menyokong saman yang difailkan oleh Barisan Bertindak Hak Hindu (Hindraf) terhadap kerajaan British kerana membawa rakyat India ke Malaysia sebagai buruh dan mengeksplotasi mereka selama 150 tahun. Saman itu juga bertujuan mendapatkan pengisytiharan bahawa Laporan Suruhanjaya Reid 1957 gagal mengambil kira hak masyarakat India apabila memberi kemerdekaan, mengakibatkan mereka di diskriminasi dan dipinggirkan hingga hari ini. Hindraf turut terbabit dalam usaha menghalang perobohan kuil-kuil Hindu di negara ini dan mendapat sokongan besar daripada masyarakat India (*Malaysiakini.com* 2007).

Perasaan tidak puas hati ini dilahirkan oleh Presiden Hindu Sangam Malaysia (MHS), Datuk A Vaithilingam sewaktu perjumpaan khas antara badan bukan kerajaan (NGO) kaum India dengan Perdana Menteri meminta beliau memberi tumpuan kepada isu-isu yang membabitkan masyarakat India dan bukannya bertindak mengecam penyokong Hindraf. Ini kerana Hindraf adalah akibat daripada banyak isu-isu serius, termasuk kes M. Moorthy dan kes-kes di mana mayat penganut agama Hindu dikebumikan oleh jabatan agama Islam serta perobohan beberapa kuil Hindu (*Malaysiakini.com* 2007). Maznah Mohamad (2008: 448) berpendapat bahawa walaupun pelbagai faktor kompleks berkaitan dengan isu agama tetapi masyarakat mempunyai persepsi yang kuat bahawa dasar Islamisasi yang dilaksanakan oleh kerajaan telah melampaui batas hingga menyebabkan tergugatnya keharmonian antara agama. Dan protes oleh Hindraf boleh difahami sebagai bantahan terhadap dominasi Islam oleh kerajaan sehingga mencabar kebebasan agama-agama lain. Berdasarkan kepada perbincangan di atas jelaslah bahawa orang bukan Islam telah melahirkan perasaan tidak puas hati melalui penubuhan organisasi tertentu yang dapat menyuarakan pandangan dan tuntutan mereka terhadap kerajaan. Walau bagaimanapun kadangkala tuntutan yang mereka kemukakan telah dianggap menyentuh sensitiviti orang Islam hingga mencetuskan ketegangan di antara mereka.

Kesimpulan

Tulisan membincangkan isu-isu berkaitan Islam yang menjadi boleh punca kepada gangguan hubungan antara kaum di Malaysia. Hasil perbincangan mendapati isu yang berkaitan dengan kebebasan beragama adalah antara masalah yang menyebabkan orang bukan Islam menyuarakan rasa tidak puas hati. Ia meliputi bidang kuasa mahkamah Syariah dalam kes-kes yang melibatkan orang Islam dan bukan Islam, isu kebebasan beragama berkaitan dengan

pengislaman orang bukan Islam, murtad, pembinaan rumah ibadat bukan Islam dan isu bahasa serta isu negara Islam. Tidak dinafikan bahawa isu ini timbul kerana orang bukan Islam beranggapan isu-isu berkaitan dengan Islam ini juga ada kaitan dengan dominasi orang Melayu dalam pemerintahan negara. Orang bukan Islam telah mula bangkit mengemukakan tuntutan demi menjaga hak kebebasan beragama mereka yang dirasakan tergugat akibat isu-isu ini. Justeru itu isu ini harus ditangani dengan sewajarnya agar keharmonian dalam negara terpelihara. Setiap pihak sama ada individu, organisasi kerajaan dan bukan kerajaan (Islam dan bukan Islam) berperanan bersama-sama mencari jalan terbaik mengatasi masalah ini.

Rujukan

- Abdul Aziz Bari. 1999. Murtad dalam konteks kebebasan beragama di Malaysia. *Malaysian Journal of Law and Society* 3: 54-70.
- Ahmad Ibrahim. 1991. Pindaan kepada Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan dan kesannya kepada pentadbiran undang-undang Islam. *Jurnal Hukum* 7(2): 129-137.
- Anon. 2002. Democracy in Malaysia. *Malaysiakini*, 17 September.
- Bernama. 2004. 13 April.
- Cheah Boon Kiang. 2005. Ethnicity in The Making of Malaysia. in *Nation Building Five Southeast Asian Histories*. Wang Gungwu (ed.). Singapura: ISEAS
- Hussin Mutualib. 1990. *Islam and ethnicity in Malay Politics*. Singapura: Oxford University Press.
- Guan, L.H. 2000. Ethnic relations in Peninsular Malaysia: The cultural and economic dimensions. *Social and Cultural Issues* 1: 1-39.
- Malaysiakini.com*. 2005. 23 Februari.
- Malaysiakini.com*. 2006. 5 Jun.
- Malaysiakini.com*. 2006. 22 Julai.
- Malaysiakini.com*. 2007. 25 November.
- Malaysiakini.com*. 2007. 17 Disember.
- Malaysiakini.com*. 2015. 5 April.
- Marzuki Mohamad. 2008. Religion, human rights and constitutional-contract politics in Malaysia. *Intellectual Discourse* 16(2):155-186.
- Maznah Mohamad. 2008. Malaysia-democracy and the end of ethnic politics?. *Australian Journal of International Affairs* 62(4): 441-459.
- Mohamad Abu Bakar. 1984. Islam, etnisiti dan integrasi. Dlm S. Husin Ali (Pnyt.). *Kaum Kelas dan Pembangunan Malaysia*, hlm. 139-167. Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial.
- Raymond L.M. 1988. Patterns of religious tension in Malaysia. *Asian Survey* 28(2):400-418.
- Shamala Sathiyaseelan v Dr Jeyaganesh C Mogarajah. 2004. *Malayan Law Journal* 2: 24.
- Shamsul A.B. 1997. Identity Construction, Nation Formation and Islamic Revivalisme in Malaysia. In Hefner, R.W. & Horvatich, P. (ed.). *Islam in an Era of Nation-States, Politics and Religion Renowel in Muslim Southeast Asia*. Hawaii: University of Hawaii Press.
- Syed Husin Ali. 2008. *Authoritarian State and Ethnic Violence in Ethnic Relation in Malaysia*. Selangor: Vinlin Press Sdn Bhd.
- Tan Chee Beng. 1984. Mencari asas perpaduan untuk masyarakat Malaysia. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi* 12: 29-37.
- Tan Chee Beng, 1982. *Ethnic Relations in Malaysia in Ethnicity and Interpersonal Interaction A Cross Cultural Study*. David Y.H.W (Ed.). Singapore: Maruzen Asia.
- Yeoh Seng Guan. 2005. Managing sensitivities: Religious pluralism, civil society and inter-faith relations in Malaysia. *The Round Table* 94(382): 629-640.
- Zulkiple Abd Ghani. 1998. Kebangkitan Islam, etnisiti dan respons non-Muslim. dlm. Abdul Ghafar Don, Berhanundin Abdullah & Zulkiple Abd Ghani (pnyt.) *Dakwah Kepada Non-Muslim di Malaysia, Konsep, Metod dan Pengalaman*. Bangi: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.